

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN DAN SIDANG MEDIA FESTIVAL FILEM  
DAN VIDEO PELAJAR MALAYSIA KE 7 (FFVPM)  
PADA 29 OKTOBER 2009

**Bismillah Hirrahman Nirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
1Malaysia.**

Yang Berbahagia, Encik Mohd Mahyidin Mustakim, Ketua Pengarah FINAS,

Yang Berbahagia, Tuan Haji Mohd Zulkifli Ab. Wahab, Timbalan Ketua Pengarah FINAS,

Yang Berbahagia Prof Dr Ismail Abdullah, Pengurus Bersama Jawatankuasa Induk Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM)

Pegawai-pegawai Kanan FINAS,

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair dan Ra Thri Sawat

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis yang serba sederhana ini sempena **Majlis Pelancaran dan Sidang Media Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) Ke-7**.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) di atas kepercayaan dan mandat yang diberikan kepada Universiti Malaysia Perlis untuk menjadi penganjur **Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) Ke-7** pada kali ini. Sebagai Naib Canselor, besarlah harapan saya untuk memastikan kelancaran perjalanan festival kali ini.

Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada jawatankuasa perlaksanaan di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan majlis pada petang ini. Sesungguhnya kerjasama daripada anda semua amatlah saya hargai.

Hadirin Sekalian,

Seperti yang semua sedia maklum, Festival Filem ini diadakan secara tahunan meliputi acara pertandingan, pameran, seminar perfileman dan pendedahan kepada pembikinan filem. Matlamat festival ini ialah untuk merangsang penerapan nilai budaya, warisan dan sejarah Malaysia di dalam diri setiap para peserta dalam menghasilkan sesuatu filem. Saya percaya secara tidak langsung ia juga bertujuan

untuk mengukuhkan lagi kefahaman sosio-budaya, pendidikan filem, memahami peranan filem, serta menyemai pengetahuan dan mempertingkatkan guna tenaga mahir dalam industri perfileman.

Festival ini merupakan projek peringkat nasional yang telah diusahakan oleh pihak FINAS sejak 7 tahun yang lalu. Ia adalah projek kreatif , artistik dan komunikatif yang memberi peluang dan ruang berkarya melalui medium filem dan video kepada para pelajar yang berbakat di seluruh IPT. Sebagaimana yang kita maklum, para pelajar merupakan aset penting negara di masa depan.

Oleh itu, Festival filem dan video ini tentunya dapat memberi dan mencungkil idea serta pendedahan mengenai selok belok penerbitan sesebuah karya filem atau video, kepada para pelajar IPT (sama ada awam atau swasta). Untuk pengetahuan para hadirin, para peserta festival ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang berdaftar dengan Institut Pengajian Tinggi (IPTA/ IPTS/ Komuniti/ Akademi/ Politeknik Awam dan Swasta) di seluruh Malaysia.

Istilah filem dan perfileman sering ditafsirkan secara sempit oleh masyarakat umum termasuk sebahagian para cendekiawan yang beranggapan filem “hanya untuk tujuan hiburan” ataupun “kegiatan yang dekat dengan kelalaian, tidak berfaedah dan mendorong kejatuhan moral”. Tafsiran

itu menimbulkan masalah untuk mempromosikan pendidikan dan latihan perfileman yang berkesan berikutan konotasi negatif itu.

Hadirin hadirat sekalian,

Menyedari akan kepentingan industri perfileman maka Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Pengajian Perfileman/Multimedia (IPF/M) mencadangkan agar nama asal festival ini iaitu Festival Filem Pelajar Malaysia (FFVPM) dengan nama Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) dan dianjurkan secara tahunan meliputi acara-acara pertandingan, pameran dan seminar perfileman untuk mengubah pandangan sempit ini.

Tema penganjuran festival kali ini ialah **“Ke Arah Persada 1Malaysia”** yang berteraskan kepada gagasan nasional, 1Malaysia, selaras dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak untuk menerapkan konsep 1Malaysia dalam diri setiap rakyat Malaysia. 1Malaysia ialah suatu gagasan yang mempunyai aspek perpaduan, keharmonian dan kedinamikan hidup masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Justeru itu, setiap karya yang akan bertanding haruslah menitikberatkan unsur ini misalnya penampilan imej

kerjasama, kesetiakawanan, kesefahaman, kejiran dan perpaduan antara pelbagai lapisan rakyat. Tema ini perlu diterjemahkan ke dalam karya filem atau video sebagai pernyataan, manifestasi, atau cara hidup rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Hadirin sekalian,

Saya percaya melalui festival ini secara tidak langsung dapat meniupkan semangat 1Malaysia dalam diri golongan anak muda yang semestinya menjadi peneraju perfileman Negara akan datang. Pengajuran Festival ini dilihat mampu memperkembangkan lagi daya kreativiti, komunikasi, interaksi, akauntabiliti, serta mempertingkatkan kemahiran teknikal dalam perfileman atau video.

Hal ini kerana para pelajar IPT dapat mengetahui, mempelajari dan bertolerensi dengan pelbagai aspek “softskill”, cabaran dalam menerbitkan karya mereka. Malahan, mereka akan bersifat analitikal atau kritikal, atau pun belajar secara intuitif melalui kelebihan dan kekurangan karya masing-masing.

Melalui inspirasi dan tema festival filem dan video FFVPM7 iaitu, “Ke Arah Persada 1 Malaysia” ini adalah diharapkan agar para pelajar IPT kita akan dapat menghasilkan karya-karya, yang memancarkan idea dan pemikiran tentang “1

Malaysia” dengan lebih menarik, kreatif dan inovatif, serta bermutu tinggi selain dapat berkongsi idea dengan semua peserta dan masyarakat umum lainnya.

Hadirin sekalian,

Saya amat berharap agar para pelajar IPT yang mempunyai bakat dalam menghasilkan filem atau video, untuk sama-sama mengambil peluang ini.

Akhir sekali, besarlah harapan saya, agar FFVPM7 anjuran UniMAP dengan kerjasama FINAS ini, akan mendapat sambutan daripada semua pihak yang berkenaan, khususnya para industrialis di bidang perfileman dan video, penaja, dan pelajar di seluruh negara. Selain itu, semoga festival ini dapat merealisasikan impian peminat serta pencinta filem dan video tanah air dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi sekali gus memartabatkan industri perfileman dan video di Malaysia.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh